

**PARLIMEN: Pembinaan Enam SJKT Dalam Proses Pengambilan Tanah  
Bernama  
9 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Pembinaan enam Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak awal tahun ini masih dalam proses pengambilan tanah.

Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr Wee Ka Siong berkata di Dewan Rakyat, Kementerian Pelajaran tiada halangan untuk membina SJKT tersebut, namun perlu menunggu kelulusan perolehan tanah daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

"Saya boleh maklum nama (sekolah) pun kami sudah dapat, di Klang, Taman Sentosa, lot tanah 4.41 ekar (1.764 hektar), status rizab pendidikan, ini tiada masalah, melibatkan 3,000 keluarga India dan menunggu jawapan perolehan tanah dari JKPTG. Cuma ada sedikit proses yang kita perlu ambil mungkin dua ke tiga bulan, di PJ (Petaling Jaya), PJS1, lot tanah 3.78 ekar (1.51 hektar), ini melibatkan keluarga India seramai 3,672 orang.

"Ketiga di Cheras, Bandar Mahkota Cheras, lot tanah enam ekar (2.4 hektar), ini pemiliknya kerajaan Selangor, status tanah ini dalam proses kita masukkan, kita kena melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk sempurnakan majlis penyerahan tanah sebagai rizab Persekutuan. Di Kedah lot tanah enam ekar (2.4 hektar), melibatkan keluarga India 1,496, kita tunggu jawapan dari JKPTG untuk berurusan dengan kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan M. Kulasegaran (DAP-Ipoh Barat) dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini, yang ingin tahu status pembinaan enam buah sekolah terbabit.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700612>